

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW**  
**KAWASAN : KEPONG**  
**NO. SOALAN : 230**

**Minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pelaburan asing pada 2013, 2014 dan 2015. Apakah syarat-syarat untuk para pelabur asing berbanding dengan negara-negara seperti Vietnam dan Indonesia.**

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik Imbangan Pembayaran oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia telah merekodkan peningkatan jumlah aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) secara berterusan

dari tahun 2013 iaitu sebanyak RM103.9 bilion, RM112.1 bilion pada tahun 2014 dan RM123.4 bilion pada tahun 2015.

Data tersebut jelas menunjukkan bahawa meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan bagi pelaburan asing. Kemampuan Malaysia untuk terus menarik pelaburan adalah berdasarkan kepada pelaksanaan inisiatif mesra perniagaan dan program-program transformasi ekonomi secara menyeluruh dan berterusan.

Usaha-usaha tersebut turut diiktiraf oleh Bank Dunia, apabila Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2016 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-18, berbanding tempat ke-20 pada tahun 2014.

Malaysia berada di kedudukan ke-2 dalam kalangan negara-negara ASEAN, selepas Singapura. Manakala, Vietnam dan Indonesia berada di kedudukan ke 90 dan 109.

Untuk menggalakkan pelaburan asing di Malaysia, syarat-syarat yang lebih baik ditetapkan berbanding Vietnam dan Indonesia iaitu:

- Tiada kadar minimum pelaburan yang ditetapkan oleh Kerajaan ke atas pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi syarikat pengilang yang mempunyai dana pemegang saham sebanyak RM2.5 juta atau mempunyai 75 orang pekerja sepenuh masa hendaklah memohon lesen pengilang dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Berbanding di Indonesia, pelaburan minimum bagi pelabur asing adalah sebanyak 10 bilion Rupiah (atau bersamaan RM3 juta). Vietnam pula menetapkan kadar minimum pelaburan sebanyak 300 bilion Dong (atau bersamaan RM54.3 juta); dan
- Pendaftaran bagi syarikat di Malaysia boleh dilakukan dengan kadar modal berbayar sejumlah RM2.00. Manakala, Indonesia meletakkan syarat modal berbayar sekurang-kurangnya 2.5 bilion Rupiah (atau bersamaan RM0.76 juta). Vietnam pula memerlukan sekurang-kurangnya 300 bilion Dong modal berbayar (atau bersamaan RM54.3 juta).

Sebagai usaha mengekalkan daya saing pelaburan Malaysia, Kerajaan turut mengambil langkah-langkah termasuk menggalakkan pengilang-pengilang menggunakan keluaran tempatan, menggalakkan pelaburan asing dalam projek pelaburan yang berkualiti, membangunkan rantaian bekalan meliputi industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu, menganjurkan misi-misi pelaburan ke luar negara di bawah MIDA, dan menganjurkan program bersama pihak media, "*media engagement*", dengan izin, serta mengadakan publisiti.